

Lantikan SUKOM: Mahathir minta hentikan pergeseran

4 OCT 1992

KUALA LUMPUR 3 Okt. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu pihak-pihak yang bertelagah dalam isu perlantikan 12 anggota lembaga pengarah Sukan Komanwel (SUKOM) menyelesaikan pergeseran mereka dan menumpukan perhatian ke arah persiapan sukan itu.

Beliau berkata, pergeseran itu dapat selesai jib kedua-dua pihak terlibat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap persiapannya Sukan Komanwel dan mengengapikan soal 'siapa lebih tinggi dan siapa lebih rendah' dalam isu perlantikan berkenaan.

Bercakap kepada para pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO (MT) di sini hari ini, Dr. Mahathir berkata, jika isu tersebut lebih merupakan soal kesilapan teknik maka ia harus diperbetulkan.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas pergeseran antara Menteri Belia dan Sukan, Senator Annuar Musa dan Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tan Sri Hamzah Abu Samah berhubung siapakah yang berhak menentukan perlantikan 12 anggota lembaga pengarah SUKOM baru-baru ini.

"Soal 'siapa lebih tinggi dari siapa' inilah yang menjadi masalah dalam perkembangan sukan negara masakini," katanya.

Secara sinis, Dr. Mahathir juga menyifatkan pertandingan-pertandingan dalam kepimpinan sukan negara ini lebih 'kencang' daripada pertandingan bolasepak.

Ditanya mengenai perlan-

tikan Datuk Bandar Kuala Lumpur yang baru, beliau berkata, perkara itu masih belum dipu tuskan lagi.

"Berhubung spekulasi Ketua Eksekutif Sukan Komanwel (SUKOM) Jen. (B) Tan Sri Hashim Mohamad Ali yang dikatakan akan dilantik sebagai Datuk Bandar beliau berkata, sesiapa pun berhak membuat spekulasi.

"Undang-undang tak katapun Ketua Eksekutif SLJK'OM mesti jadi Datuk Bandar," katanya.

Sebelum ini, beberapa akhbar berbahasa Cina menyiarkan spekulasi Jen. (B) Hashim akan dilantik sebagai Datuk Bandar ekoran perlantikannya sebagai Ketua Eksekutif SUKOM.

Sementara itu, Dr. Mahathir memberitahu beberapa perkara telah dibincangkan dalam mesyuarat MT UMNO hari ini, antaranya termasuk soal bekalan elektrik yang terputus baru-baru ini dan menjelaskan keadaan ekonomi Eropah serta kesannya terhadap negara ini kepada MT.

Katanya, MT UMNO juga telah memilih Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abu Hassan Omar dan timbalannya, Dato' Kadir Sheikh Fadzir mewakili MT ke Mesyuarat Pemuda UMNO tidak lama lagi.

"MT juga memilih Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Ibrahim Saad dan Menteri Besar Johor, Tan Sri Muhyiddin Yassin ke Mesyuarat Wanita UMNO," katanya.